

MENGENALI KETOKOHAN PEMIKIRAN IMAM AL-GHAZALI MENGENAI MANUSIA

Nurul Hartini Bt Taharudin
Nur Atiqah Bt Soleh
Nur Shuhada Bt Azmi
Farisah Hanim Bt Mahyudin
Nur Syahira Bt Rosli
Nikmatusholihah Bt Adnan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Norsaadah Binti Din @ Mohamad Nasirudin
Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Insan
Pusat Pengajian Teras
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Manusia, merupakan salah satu bahan kajian yang banyak bermain di fikiran Imam Al-Ghazali. Pendidikan merupakan proses yang melibatkan manusia sebagai subjek dan objek sekaligus. Maka, menelusuri pemikiran Al-Ghazali tentang pendidikan tidak lengkap jika tidak dimulai dari pemikirannya tentang manusia. Oleh demikian kertas ini akan menyingkap pandangan Imam al-Ghazali mengenai manusia, konsep pendidikan kurikulum serta keberkesannya. Selain itu ditekankan juga kaedah pengajaran dan pembelajaran. Diharapkan kertas kerja ini dapat membantu para pendidik meningkatkan lagi tahap pengajaran dan pembelajaran dalam melahirkan generasi yang bertaqwa.

Kata kunci: *Ketokohan, Pemikiran Imam Al-Ghazali, Manusia*

PENGENALAN

Nama sebenar Imam al-Ghazali ialah Muhamad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad al-Ghazali at-Tusi. Beliau lebih dikenali dengan panggilan al-Ghazali kerana dinisbahkan kepada nama kampung tempat kelahirannya iaitu Ghazalah yang terletak di pinggir Bandar Tusi di dalam wilayah Khurasan, Parsi, (Iran).

Bapa Imam al-Ghazali merupakan seorang tukang tenun kain bulu yang dalam bahasa arabnya dikatakan al-Ghazzal. Antara nama gelaran Imam al-Ghazali ialah Abu Hamid yang bererti bapa kepada Hamid iaitu anaknya dan juga digelar Hujjatul Islam iaitu gelaran penghormatan yang diberikan kepadanya kerana kekuatan hujjahnya membela agama Islam.

Latar Belakang Imam Al-Ghazali

Pada tahun 1077, Imam al-Ghazali melanjutkan pelajaran ke Jurjan dan berguru dengan Abu Nasr al-Isma'ili. Di sana beliau telah berkahwin kemudian pulang ke Tusi selama tiga tahun. Dalam masa ini, beliau telah belajar tasawwuf daripada Yusuf an-Nassaj, seorang sufi terkenal.

Pada tahun 1080, Imam al-Ghazali berangkat menuju ke Sekolah Tinggi Nizamiyyah di Naisabur. Di sana, beliau belajar daripada Abu Almaa'li Diyauddin al-Juwaini yang terkenal gelaran Imam Haramain. Beliau telah mempelajari ilmu-ilmu seperti Feqah dan ilmu kalam atau ilmu falsafah seperti mantik, jidal, hikmah dan lain-lain sehingga beliau mengetahui pelbagai mazhab, perbezaan pendapat masing-masing dan beliau dapat menolak tiap-tiap aliran yang dianggap salah.

Bahkan beliau dapat mengimbangi keilmuan gurunya itu Di sini beliau mula mengarang pelbagai buku dalam pelbagai bidang. Di antara buku karangannya yang dikagumi gurunya ialah *al-Mankhul*.

Setelah Imam al-Juwaini wafat pada tahun 1085, Imam al-Ghazali meninggalkan Naisabur menuju ke Al-Askar di Baghdad. Ia berkenalan dengan Nizam al-Mulk wazir istana dinasti Saljuk iaitu Sultan Jalaluddin Malik Shah. Beliau diminta untuk mengajarkan hukum agama di Madrasah Nizamiyyah di Baghdad. Imam al-Ghazali mengajar di sana selama empat tahun.

Ratusan ulama pejabat pemerintahan yang menghadiri kuliah imam al-Ghazali. Kebanyakan bahan pengajaran Imam al-Ghazali dicatat oleh Sayyid bin Faris dan Ibnu Lubban. Keduanya mencatat kira-kira 183 bahan kuliah yang diberi nama Majalisul Ghazaliah.

Pada tahun 1901-1904, Imam al-Ghazali telah mempelajari ilmu falsafah. Beliau menyusun buku yang terkandung kritikan terhadap falsafah, seperti kitab Attahafut yang membongkar kekurangan falsafah.

Polemik Jiwa

Kedudukan dan ketinggian jawatan beliau tidak membuatkan beliau cintakan dunia. Bahkan dalam jiwanya berkecamuk serta mengalami polemik kejiwaan (perang batin) yang membuatkan beliau sering menekuni ilmu-ilmu kezuhudan. Akhirnya Imam al-Ghazali menolak jawatan tinggi dan kembali kepada ibadah ikhlas dan perbaikan jiwa. Pada tahun 1905, beliau meninggalkan Baghdad dan memutuskan untuk mengasingkan diri ke Damaskus. Beliau menghabiskan waktunya di masjid dengan melakukan ibadah, takafur, dan berzikir tanpa henti. Di sanalah dia menghabiskan waktu selama dua tahun secara sendirian.

Karya Sumbangan Imam Al-Ghazali

Sebelum meninggal dunia, Imam al-Ghazali telah mengarang ratusan buku dalam pelbagai bidang antaranya:

- Ihya' Ulum al-Din
- Bidayah al-Hidayah
- Mizan al-A'mal
- Minhaj al-Abidin
- Al-Mustasfa Min Usul al-Fiqh
- Al-Iqtisad Fi al-'Itiqat

Karya agung Imam al-Ghazali adalah Kitab Ihya' Ulumuddin. Ihya' Ulumuddin bererti menghidupkan kembali ilmu-ilmu agama. Dalam kitab ini, Imam al-Ghazali mendamaikan tasawuf dengan praktik-praktik non-ortodoks, mendamaikan dengan Islam, dan membersihkan sufisme dari intelektualisme. Dalam kalangan agamawan, Ihya' Ulumuddin merupakan kitab yang komprehensif.

Kitab tersebut terkandung unsur tasawuf dan fiqh. Selain itu, di dalam Ihya' Ulumuddin juga terdapat aspek-aspek hukum seperti hukum dan syarat ibadah-ibadah yang sesuai dengan syariat.

PEMIKIRAN AL-GHAZALI TENTANG PENDIDIKAN

Pendidikan merupakan proses yang melibatkan manusia sebagai subjek dan objek sekaligus. Maka, menelusuri pemikiran Al-Ghazali tentang pendidikan tidak lengkap jika tidak dimulai dari pemikirannya tentang manusia.

a. Pandangan Al-Ghazali tentang Manusia

Manusia, merupakan salah satu bahan kajian yang banyak bermain di fikiran Imam Al-Ghazali. Beliau memandang manusia dasarnya pada tempoh kejadian dan penciptaannya. Huraian yang dikemukakan oleh beliau yang ditelaah dari kitab-kitabnya menunjukkan bahawa manusia tersusun dari material dan bukan material atau jasmani dan rohani yang berfungsi sebagai abdi yakni kekal dan khalifah Allah di bumi. Al-Ghazali juga menekankan pengertian dan hakikat kejadian manusia pada rohani atau jiwa. Pada hakikatnya, manusia itu adalah jiwanya. Jiwanya juga yang membezakan manusia dengan makhluk-makhluk Allah yang lain. Dengan jiwa manusia boleh berfikir, merasa, berkemahuan dan berbuat lebih banyak. Jadi jelaslah jiwa itu yang hakiki dari manusia kerana sifatnya yang latif atau lembut, rohani dan rabbani, serta kekal sesudah mati. Malah keselamatan dan kebahagiaan manusia di dunia dan di akhirat banyak tergantung pada kejadian jiwanya, kerana jiwa merupakan tiang utama agama dan asas bagi orang yang berjalan menuju Allah. Juga, tergantung ketaatan dan kedurhakaan manusia kepada Allah. Jiwalah yang hakikatnya taat pada Allah atau yang durhaka dan ingkar kepada-Nya.

Beliau menggambarkan jiwa dengan empat istilah, yakni *al-nafs*, *al-ruh*, *al-'aql* dan *al-qalb*. Ditinjau dari segi kejiwaan, empat istilah tersebut mempunyai erti yang hampir sama, akan tetapi dari segi fizik menurutnya berbeza ertinya. Menurut Imam Al-Ghazali, keempat istilah tadi masing-masing mempunyai erti sendiri, iaitu erti khusus dan umum. *Al-Qalb* dalam erti pertama adalah *al-qalb* jasmani atau *al-lahm al shanubari*, iaitu daging khusus yang berbentuk seperti jantung pisang yang terletak disebelah dalam dada kiri. *Qalb* dalam erti yang pertama ini erat hubungannya dengan ilmu kedokteran dan tidak banyak menyangkut maksud-maksud agama serta kemanusiaan. Kedua, *al-qalb* dalam pengertian jiwa yang bersifat *latif*, rohaniah, rabbani dan mempunyai hubungan dengan *qalb* jasmani. *Qalb* dalam pengertian kedua inilah yang merupakan hakikat dari hakiki manusia kerana sifat dan keadaannya yang boleh merasa, berkemahuan, berfikir, mengenal dan beramal. Selanjutnya kepadanya ditunjukkan perintah dan larangan, serta pahala dan siksaan Allah.

Istilah kedua, iaitu *al-ruh* atau roh dalam erti yang pertama adalah *jisim* yang *latif* (halus), dan bersumber di dalam *al-qalb al-jasmani*. Roh ini memancar keseluruh tubuh melalui nadi, urat, dan darah. Cahaya pancarannya membawa kehidupan pada manusia, seperti manusia dapat merasa, mengenal, dan berfikir. Dalam istilah kedokteran lama, roh ini disebut yang menghidupkan manusia. Erti kedua dari roh ialah roh rohani yang bersifat kejiwaan, yang memiliki daya rasa, kehendak dan fikir, sebagai yang telah diterangkan dalam pengertian *al-qalb* yang kedua. Roh dalam pengertian yang kedua inilah yang dimaksud dalam Al-Quran Surat Al-Isra' Ayah 85.

Istilah ketiga adalah *al-nafs* (jiwa), iaitu dalam erti pertama ialah kekuatan hawa nafsu yang terdapat dalam diri manusia yang merupakan sumber bagi timbulnya akhlak tercela. Erti kedua dari *al-nafs* adalah jiwa rohani yang bersifat latif, rabbani dan kerohanian. *Al-nafs* dalam pengertian kedua inilah yang merupakan hakikat, diri, dan zat dari manusia

Istilah keempat ialah *al-aql* yang juga memiliki dua makna. Pertama ialah ilmu tentang hakikat segala sesuatu. *Al-aql* dapat diibaratkan sebagai ilmu yang bertempat di jiwa (*al-qalb*). Jadi, pengertian *al-aql* pada tingkat pertama ini ditekankan pada ilmu dan sifatnya. *Al-aql* dalam pengertian kedua adalah akal rohani yang memperoleh ilmu pengetahuan itu sendiri (*al-mudrak li al-'ulum*). Akal itu tidak lain adalah jiwa (*al-qalb*) yang bersifat latif, rabbani dan rohani yang merupakan hakikat, diri dan zatnya manusia

Menurut Al-Ghazali jiwa yang merupakan hakikat diri dan zat manusia itu adalah *jauhar* (substansi) rohani dan bukan *aradh* (aksiden) serta bersih dari sifat kebendaan. Jiwa mempunyai wujud sendiri yang terlepas dari badan. Wujud dan hakikatnya berasal dari alam gaib, sedangkan wujud dan hakikat badan berasal dari alam materi. Badan itu bukan tempatnya jiwa karena sesuatu yang sifatnya *jauhar* (substansi, zat dan hakikat) tidak mendiami suatu tempat tertentu. Badan itu adalah alat bagi jiwa, sedangkan badan tidak bisa memeralat jiwa. Oleh kerana terdapat perbezaan mendasar dan besar antara jiwa dan badan dalam wujud dan hakikat, maka dalam fungsi dan sifatnya juga terdapat perbezaan yang besar. Jiwa bersifat baka dan badan bersifat fana.

Ditekannya unsur jiwa dalam konsepsi Imam Al-Ghazali tentang manusia sama sekali tidalah bererti ia mengabaikan unsur jasmani manusia. Unsur ini juga beliau pentingkan kerana rohani sangat menentukan jasmani dalam melaksanakan kewajibannya beribadat kepada Allah dan menjadi khalifah-Nya di bumi

b. Konsep Pendidikan Al-Ghazali

Konsep Al-Ghazali tentang pendidikan berkait rapat dengan konsepnya tentang manusia. Hal ini kerana, masalah manusia adalah masalah pendidikan juga, dan begitu sebaliknya. Selain itu, terdapat juga yang berpandangan bahawa pendidikan merupakan penawar bagi penyakit yang terdapat dalam individu dan masyarakat. Tambahan lagi, jika hendak diberikan penyelesaian bagi segala soalan dan permasalahan setiap individu dan juga masyarakat, ia akan berbalik semula kepada pendidikan. Dengan ini, jelas bahawa pendidikan merupakan satu kunci penting bagi manusia untuk mencari penyelesaian dari masalah-masalah mereka.

Menurut al-Ghazali, pendidikan mempunyai pengertian yang luas dan mendalam, dimulai dengan hal-hal individual seperti bimbingan dan penerangan, sehingga secara umum di mana pendidikan dijalankan melalui saluran (*channel*) dan tidak secara berhadapan, seperti pembacaan buku dan syair. Dengan kata lain, erti pendidikan tidak dibataskan hanya melalui pendidikan formal, tetapi juga pendidikan informal dan *non-formal*.

Luasnya pengertian pendidikan mengikut al-Ghazali dapat dilihat dari segi individu, masyarakat dan juga kejiwaan. Dari segi individu, pendidikan ialah sebuah perkembangan sifat-sifat ketuhanan yang terdapat dalam diri manusia, sesuai dengan janjinya (*misaaq*) kepada Allah s.w.t. dan tuntutan fitrahnya terhadap ilmu dan wahyu. Hakikatnya, manusia itu sentiasa ingin untuk mendalami ilmu makrifat dan mengenali lagi Allah s.w.t.

Pendidikan secara umum mengikut al-Ghazali mempunyai makna yang hampir sama dengan erti yang dinyatakan oleh ahli pendidikan moden. Bagi al-Ghazali, pendidikan berintikan warisan nilai-nilai budaya suatu masyarakat kepada setiap individu supaya budaya tersebut dapat terus hidup di dalam masyarakat tersebut. Sedikit perbezaan pandangan al-Ghazali dan ahli

pendidikan moden dapat dilihat dari segi nilai-nilai adat dan budaya yang diturunkan. Bagi al-Ghazali, nilai-nilai yang diturunkan merupakan nilai ke-Islaman berdasarkan al-Quran, as-Sunnah, dan cara hidup para *Salafussoleh*. Nilai-nilai tersebut adalah ilmu dan akhlak yang berdasarkan pada ketaqwaan (ketaatan) kepada Allah s.w.t. Maksud taqwa di sini meliputi makna yang luas, di dalam al-Quran sendiri, nilai taqwa dapat dibahagikan menjadi lima kategori besar iaitu, nilai individu, kekeluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan, dan keagamaan.

Dalam konsep pendidikan moden pula, menurut Hasan Langgulung terdiri dari tiga unsur, iaitu ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai. Contohnya kemahiran berbahasa hanyalah sebagai alat untuk mempelajari dan mendapatkan ilmu. Dalam pengertian ini unsur kemahiran termasuk juga dalam unsur ilmu. Ilmu bukan sahaja sebuah proses yang menghubungkan antara manusia dengan manusia dan persekitarannya (makhhluk), tetapi ia juga merupakan proses yang menghubungkan makhhluk dengan kholik, dan dunia dengan akhirat.

Dengan ini, dapat dilihat bahawa tujuan untuk mendapatkan sebuah pendidikan bukan sahaja untuk kesenangan di dunia, malah ia juga untuk mencapai kebahagiaan di akhirat kelak. Sama ada ilmu yang didapatkan itu bersifat duniawi ataupun ukhrawi, semuanya memicu manusia untuk lebih mendekati diri dengan Rabb-nya. Oleh sebab inilah, al-Ghazali tidak memisahkan kemahiran dari konsep pendidikan.

Terdapat berbagai tujuan seseorang manusia itu untuk mendapatkan pendidikan, samada umum mahupun yang khusus, antaranya;

- Mendekatkan diri kepada Allah s.w.t
- Meningkatkan iman dan taqwa kepada Allah s.w.t.
- Mendapatkan redha Allah s.w.t.
- Membentuk akhlak dan peribadi yang mulia
- Mengembangkan fitrah
- Menciptakan keseimbangan dalam diri
- Membiasakan diri untuk beramal soleh
- Mewujudkan ketenangan dan ketenteraman

Dari segi metode pendidikan yang digunakan oleh al-Ghazali pula terbahagi kepada dua, iaitu metode pembentukan kebiasaan dan metode *tazkiyatu an-nafs*. Metode pembentukan kebiasaan lazimnya digunapakai dalam pendidikan awal kanak-kanak, dalam pembentukan akhlak dan jiwa kanak-kanak. Metode ini merupakan langkah dalam membentuk kebiasaan baik dan membuang sifat buruk (*amar makruf nahi munkar*) melalui bimbingan dan latihan. Cabaran dalam menggunakan metode ini, dinyatakan oleh Al-Ghazali ialah tidak semua nilai keagamaan dapat diresap dalam jiwa, sebelum jiwa itu sendiri sudah dilatih dengan kebiasaan yang baik dan dijauhkan dengan kebiasaan yang buruk.

Manakala untuk metode yang kedua, *tazkiyatu an-nafs*, merupakan pendidikan akhlak dan pembinaan jiwa bagi orang dewasa. Berbeza dengan metode pertama, metode ini ditekankan kepada orang dewasa, mereka yang sudah akil baligh dan selayaknya mampu berfikir mana yang baik dan buruk bagi mereka. (Kurnanto, 2011)

KEBERKESANAN KONSEP PENDIDIKAN MENURUT IMAM AL-GHAZALI

Berkait dengan konsep pendidikan, Ahmad Fuad al-Ahwani menyatakan bahawa al-Ghazali banyak menaruh perhatian terhadap pendidikan, kerana pendidikanlah yang menentukan corak kehidupan suatu bangsa dan pemikirannya. Di samping itu M. Arifin juga berpendapat bahawa dari segi

filosofis, al-Ghazali adalah penganut fahaman Idealisme yang konsekuen terhadap agama sebagai dasar pandangannya. Menurut pandangan al-Ghazali, jika anak menerima ajaran dan kebiasaan hidup yang baik, maka ia menjadi baik, begitu pula sebaliknya.

Imam al-Ghazali memandang bahwa dunia ini, tidak abadi, akan hancur, dan hanyalah tempat persinggahan sementara. Pendidik yang baik menurutnya adalah orang yang dapat menggunakan dunia untuk tujuan akhirat. Imam al-Ghazali memberikan beberapa etika seorang pendidik seperti berikut:

a) Menunjukkan kasih sayang

Etika Pertama sebagai seorang Muallim adalah dengan menunjukkan kasih sayang kepada anak murid dan menganggapnya seperti anak sendiri. Seorang guru juga harus memiliki kasih sayang kepada muridnya sebagaimana tinggi kasih sayangnya terhadap anaknya sendiri. Suasana yang penuh dengan kasih sayang dan kondusif yang berhasil dapat melahirkan sebuah hubungan akan membuatkan seseorang mampu berinteraksi ke arah yang positif. Konsep ini sangat penting dan juga relevan bukan sahaja kepada pendidikan masa kini tetapi juga memfokuskan pada pendidikan yang akan datang. Jika seorang guru tidak mampu untuk menyayangi dan membimbing anak muridnya seperti anaknya sendiri maka akan hilanglah keikhlasan seorang guru dalam mengajarnya. Oleh yang demikian, sifat kasih sayang memainkan peranan penting yang harus disemai dalam dunia pendidikan, di samping dapat membina hubungan dan interaksi yang harmoni antara guru dan murid.

b) Meneladani sikap Rasulullah S.A.W

Etika kedua menurut Imam al Ghazali adalah Meneladani sikap Rasulullah SAW yang merupakan '*Qudwatun Hasanah*' (Ikutan terbaik) kepada kita semua iaitu melakukan sesuatu perkara dengan tidak mengharapkan balasan kerana tugas mengajar dan belajar ilmu agama ini merupakan kewajipan dan tuntutan bagi setiap orang termasuk guru. Mengajar biarlah hanya kerana Allah, tidak mengharapkan imbalan dari anak didik, serta jadikan kegiatan mengajar ini sebagai ibadah kepada Allah SWT. Sifat-sifat Nabi Muhammad SAW seperti bersifat as-siddiq, amanah, fatonah, tabligh ini dapat diterapkan dalam diri nescaya akan mampu membentuk dan melahirkan guru yang berorientasi pada pendidikan yang maju dan berwawasan pada masa akan datang.

c) Memberi nasihat yang baik

Etika ketiga adalah Memberi nasihat yang baik kepada anak muridnya. Seorang guru yang baik hendaklah berperanan sebagai pembimbing dan penyuluh kepada murid-muridnya seperti menasihati muridnya untuk tidak melakukan melakukan perkara yang boleh mendatangkan keburukan pada pelajar tersebut. Guru juga tidak boleh membiarkan waktu berlalu begitu sahaja tanpa mengingatkan kepada muridnya bahwa tujuan menuntut ilmu itu adalah untuk mencari keredhaan-Nya di samping membantu kita untuk lebih mengenali Allah SWT, bukan hanya mencari memenuhi tuntutan duniawi sahaja.

d) Mengajar mengikut kemampuan anak murid

Etika keempat adalah seorang guru harus mengajarkan ilmu menurut kadar kemampuan pelajar. Setiap guru harus memahami pelajar bahawa pada hakikatnya murid adalah merupakan subjek didik yang memiliki pelbagai karakter, potensi yang beraneka ragam. Dalam konteks pendidikan masa kini, seorang guru dianjurkan untuk memiliki kemampuan untuk memahami tingkat kefahaman anak muridnya.

e) Beramal dengan apa yang disampaikan

Etika kelima adalah mengamalkan ilmu yang diketahuinya dan janganlah perkataannya membohongi perbuatannya. Guru harus mengamalkan terlebih dahulu selaras dengan apa yang diajarkannya dan tidak boleh berbohong dengan apa yang disampaikan. Seorang guru yang baik adalah guru yang berpegang teguh kepada prinsip yang diucapkan dan berupaya untuk merealisasikan selaras dengan apa yang diucapkan. Jika perbuatan seorang guru itu bertentangan dengan apa yang disampaikan, maka berarti tidak memberi petunjuk dan tuntunan melainkan racun. Sebagai seorang guru haruslah memiliki sifat keperibadian yang tinggi serta akan menjadi teladan kepada anak murid.

Manakala seorang pelajar yang baik akan mendatangkan kesan yang positif dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar. Oleh itu, menurut al Ghazali diterangkan pula etika sebagai seorang pelajar. Dalam menjelaskan anak murid, imam Al-Ghazali menggunakan dua istilah iaitu Al-Muta'allim (pelajar) dan Tholib Al-Ilmi (penuntut ilmu pengetahuan). Namun, bila kita melihat anak murid dengan makna yang luas bermaksud seluruh manusia mulai dari awal kelahiran se hingga lanjut usia.

Dalam menerangkan konsep murid, Imam Al Ghazali menawarkan beberapa etika murid yang terbagi menjadi dua hal, iaitu etika murid terhadap dirinya sendiri, dan etika murid terhadap guru. Bagi murid atau pelajar, ada pelbagai etika dan tugas-tugas pelajar yang harus dipenuhi menurut Imam Al Ghazali adalah seperti yang berikut:

a) Mengutamakan kesucian jiwa

Etika Pertama adalah Mengutamakan kesucian jiwa dari akhlak yang tercela. Hati yang bersih mudah memahami ilmu yang disampaikan oleh guru manakala hati yang tercemar dengan dosa boleh mematikan dan menggelapkan hati kerana ilmu ini merupakan cahaya dan rahmat dari Allah buat mereka yang menuntut ilmu dengan hati yang sabar dan ikhlas.

b) Memuliakan dan menghormati guru

Etika kedua adalah memuliakan guru dan bersikap rendah hati. Seorang murid itu haruslah menghormati gurunya seperti ibunya sendiri. Seorang pelajar yang baik mestilah mempunyai sifat keperibadian yang tinggi seperti menolong gurunya mengambil buku, tidak bersifat sombong terhadap guru malah mendoakan yang baik buat guru.

c) Menjauhkan diri dari mempelajari pelbagai mazhab

Etika ketiga adalah menjauhkan diri dari mempelajari pelbagai mazhab yang dapat menimbulkan kekacauan pada masa kini. Di akhir zaman ini, terdapat spekulasi agama dari pelbagai medium yang sungguh mencabar lagi lagi dengan adanya media sosial yang boleh mempengaruhi pemikiran pelajar pada masa kini.

KONSEP KURIKULUM MENURUT IMAM AL-GHAZALI

Secara tradisional kurikulum bermaksud subjek asas yang diberikan kepada anak didik untuk mendedahkan mereka dengan konsep kenali Allah lebih dekat. Kurikulum tersebut disusun agar dapat mencapai tujuan yang telah ditentukan.

Pandangan Al-Ghazali tentang kurikulum dapat difahami dari pandangannya mengenai ilmu pengetahuan. Ia membahagi ilmu pengetahuan kepada yang terlarang dan yang wajib dipelajari oleh anak didik iaitu:

- a. Ilmu yang tercela, banyak atau sedikit. Ilmu ini tidak ada manfaatnya bagi manusia di dunia dan di akhirat, misalnya ilmu sihir dan ilmu kedukunan. Bila ilmu ini dipelajari akan membawa mudharat dan akan mensyirikkan Tuhan. Oleh itu, ilmu ini harus dijauhi.
- b. Ilmu yang terpuji, banyak atau sedikit. Misalnya ilmu tauhid dan ilmu agama. Ilmu ini bila dipelajari akan membawa seseorang kepada kesucian jiwa yang bersih dari sifat takabbur serta dapat mendekatkan diri kepada Allah.

Kurikulum juga terbahagi kepada dua cabang iaitu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah. Fardhu kifayah adalah ilmu yang cukup dipelajari oleh sebahagian muslim sahaja, misalnya ilmu yang berkaitan dengan masalah duniawi antaranya ilmu perubatan, ilmu kejuruteraan, solat jenazah, dan sebagainya manakala ilmu Fardhu Ain pula adalah ilmu yang harus dan wajib diketahui oleh setiap muslim misalnya cara menunaikan solat, berpuasa di bulan Ramadhan, menunaikan zakat dan sebagainya.

KAEDAH PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Mengenai metode dan media yang digunakan dalam proses pembelajaran, menurut al-Ghazali harus dilihat secara psikologis, sosiologis, mahupun pragmatis dalam merangka keberhasilan proses pembelajaran. Imam al Ghazali melakukan kaedah yang bersifat berikut:

1. Perolehan ilmu

Menurut al-Ghazali berdasarkan jenis ilmu, iaitu *ilmu kasbi* dan *ilmu ladunni*. (1) *Ilmu kasbi* dapat diperoleh melalui cara berfikir sistematik dan kaedah yang dilakukan secara konsisten dan bertahap melalui proses penelitian, percubaan dan penemuan yang menggunakan pendekatan *ta'lim insani*. (2) *Ilmu ladunni* dapat diperoleh orang-orang tertentu dengan tidak melalui proses perolehan ilmu pada umumnya tetapi melalui proses pencerahan oleh hadirnya cahaya ilahi dalam qalbu melalui pendekatan *ta'lim rabbani*

2. Pendekatan melalui sikap (behavioristik)

Imam al-Ghazali mengguna pakai pendekatan behavioristik dalam pendidikan yang dijalankan. Hal ini terbukti dari pernyataannya, jika seorang murid mencapai tahap kecemerlangan yang baik dalam pendidikan hendaklah seorang guru memberi penghargaan dan dorongan kepada murid tersebut agar lebih berusaha menempa kejayaan pada masa akan datang, dan jika pelajar melanggar peraturan mahupun bertindak sikap yang tidak baik hendaklah sebagai guru memberikan teguran dan juga nasihat kepada pelajar tersebut. Gaya bentuk penghargaan al-Ghazali tentu berbeza dengan pendekatan behavioristik yang diadakan oleh pendidik di Eropah yang akan memberikan '*reward*' dan '*punishment*' dalam bentuk bersifat kebendaan dan

materialistic. Al- Ghazali lebih gemar menggunakan istilah *tsawab* (pahala) dan *uqubah* (dosa) sebagai ganjaran dan hukuman.

3. Pendekatan melalui humanistik (kemanusiaan)

Para pendidik harus memandang anak didik sebagai manusia secara *holistik* dan menghargai mereka sebagai manusia. Bahasa al-Ghazali tentang hal ini adalah bagaimana seorang guru harus bersikap lemah lembut dan penuh kasih sayang pada murid selayaknya dan mereka menganggapnya seperti anak kandung sendiri.hal ini dapat dijelaskan bahawa pendidikan adalah ssebuah kerjaya yang memerlukan hubungan erat antara dua individu, iaitu antara guru dan murid.

4. Pendekatan melalui faktor keteladanan

Kaedah pengajaran yang utama dan sangat penting dalam pandangannya. Menurut al-Ghazali, pendidikan tidak semata-mata sebagai suatu proses pembelajaran tetapi lebih dari itu, iaitu interaksi yang saling mempengaruhi antara guru dan murid apabila guru itu sendiri menunjukkan teladan yang baik kepada anak didik dan menjadi ‘role model’ kepada pelajar tersebut.

KESIMPULAN

Al-Ghazali adalah tokoh besar dalam dunia intelektual Islam. Melalui keintelektualan yang dimilikinya, Al-Ghazali mempunyai perhatian yang mendalam dalam dunia pendidikan. Konsep pendidikan yang kemukakan oleh Al-Ghazali terkait erat dengan pemikirannya tentang manusia. Sebagaimana pernah dikatakan oleh beliau, “*Akhirnya nyatalah, kepadaku bahawa erti ilmu atau tabu yang sesungguhnya itu adalah tersingkapnya sesuatu dengan jelas sehingga tidak ada lagi ruang untuk ragu-ragu, tak mungkin salah atau keliru, tak ada di hati tempat untuk itu. Keamanan dari bahaya salah atau keliru itu harus diperkuat dengan keyakinan sedemikian rupa sehingga andaikata disangkal oleh seseorang yang sakti, yang misalnya dapat mengubah batu menjadi emas atau mengubah tongkat menjadi ular, namun demikian itu tak akan menimbulkan ragu-ragu sedikit pun juga terhadap keyakinan tersebut*”

RUJUKAN

- heri, T. (N.D.). Pemikiran Al-Ghazali Tentang Pendidikan. *Uhamka*, 9.
- Lubis, Z. (2015). Etika Interaksi Guru dan Murid Menurut Perspektif Imam Al Ghazali. *Membangun Tradisi Berfikir Qur’ani*, 133.
- Kurnanto, M. E. (2011). Pendidikan Dalam Pemikiran Al-Ghazali. *Jurnal Khatulistiwa - Journal of Islamic Studies*, 161-176.
- Musfiroh, I. A. (2014). Pendidikan Pemikiran Islam menurut perspektif Imam Al-Ghazali. *Pendidikan Pemikiran Islam menurut perspektif Imam Al-Ghazali*, 75.
- Tunru, D. M. (2017). Sejarah Pemikiran Pendidikan Islam Al-Ghazali ”. *MATA KULIAH SEJARAH PEMIKIRAN PENDIDIKAN ISLAM*, 20.